

Kuktem sentiasa prihatin masa depan graduan

MERUJUK surat pembaca bertajuk 'Birokrasi jejas masa depan graduan' oleh 'Abang Mengharap' yang disiarkan ruangan ini pada 7 Mac lalu, pihak universiti ingin mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan komen yang diberikan mengenai masalah pengangguran di kalangan graduan di Malaysia.

Pihak universiti juga ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan 'Abang Mengharap' atas konsep pengajian di Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malay-

sia (Kuktem).

Untuk pengetahuan 'Abang Mengharap', konsep kilang pembelajaran *teaching factory* masih diteruskan di Kuktem, malah elemen keusahawanan sebagai nilai tambah yang dipraktikkan di Kuktem juga bakal melahirkan *technopreneur* yang mampu bersaing dalam industri teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) tempatan dan serantau. Oleh itu, dakwaan bahawa ia sudah dihentikan adalah tidak benar sama sekali.

Adalah dimaklumkan bahawa Kuktem adalah sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang sentiasa memastikan bahawa semua aktiviti pengajaran dan pembelajarannya adalah selaras kehendak dan keperluan industri masa kini.

Ini dilakukan untuk memastikan graduan yang bakal dikeluarkan Kuktem kelak akan dapat diterima dengan baik oleh pihak industri berkaitan. Oleh itu, dakwaan berlaku masalah politik dalaman dan kerenah birokrasi di Kuktem tidak tepat.

Penggubalan kurikulum di Kuktem adalah mengikut proses dan prosedur lazim yang ditetapkan oleh Senat Universiti.

Saya juga ingin menekankan bahawa semua kursus yang dijalankan di universiti ini adalah diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Oleh itu, tidak timbul persoalan sama ada pelajar dari universiti ini akan dapat menamatkan pengajian mereka atau tidak.

Bahagian Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi juga sudah menjalan-

kan audit terhadap Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian di universiti ini pada hujung 2004.

Pihak Kuktem sentiasa mengalu-alukan sebarang pandangan dan persoalan mengenai universiti ini. Semua pandangan dan persoalan boleh dikemukakan kepada talian 095492005 atau 5492009 atau melalui e-mail enquiries@kuktem/edu.my.

ARMAN A RAHIM,
Pegawai Perhubungan Koporat,
Kuktem.

Benta Haman
10/3/2005
AT: 13